



GE 2200-409

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI
ภาษามลายูเพื่อการสื่อสาร

PENYUSUN

KU-ARES TAWANDORLOH

ABDULKARIM DUERAWEE

HASNAH QADIRIN

HASUENAH WOHSENG

SALIHA MUSO

SUMAIYAH MENJAMIN

ADAREENA CHEMA

ASIYAH KUWING



JABATAN BAHASA MELAYU
FAKULTI SASTERA DAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI FATONI

Pelajaran 1

Perbualan

BERKENALAN DENGAN RAKAN BARU

- Hafiz** : Saya Hafiz, kenalkan rakan saya, Khairi.
- Syarif** : Saya Syarif. Apa khabar, Hafiz Khairi? Ini rakan-rakan dan jiran saya, Asri. Asri berasal dari Phukit dan berpindah ke Pattani.
- Asri** : Apa khabar semua? Saya Asri saya baru di sini. Banyak yang perlu saya pelajari. Saya berharap rakan-rakan dapat membantu saya.
- Khairi** : Jangan bimbang Asri. Kami sedia membantu. Saya dan Hafiz dalam tahun 1. Awak dalam tahun berapa?
- Syarif** : Saya dan Asri pun dalam tahun 1 juga. Kalau begitu, kita boleh menubuhkan kumpulan pelajar dan menjadi rakan karib, bagai isi dengan kuku.
- Asri** : Kita juga boleh menjadi rakan bola sepak.
- Hafiz** : Baguslah kalau begitu. Kita boleh belajar dan bermain bersama-sama.

Aktiviti

Mula-mula perkenalkan diri anda. Selepas itu, anda tanyalah nama rakan anda itu. Seterusnya, berbual dengannya tentang diri anda dan dirinya.


PERKATAAN

Tatabahasa



Kita menggunakan bahasa untuk bercakap. Tujuan kita bercakap adalah untuk berhubung antara satu sama lain, seperti berbual, bercerita, dan berceramah. Apabila kita bercakap, kita akan menggunakan banyak perkataan. Bahasa kita ialah bahasa Melayu. Ada pelbagai jenis perkataan dalam bahasa Melayu. Ada perkataan yang berbentuk tunggal, iaitu bentuk yang terdiri daripada satu kata dasar; ada bentuk kata dasar yang bercantum dengan imbuhan atau penambahan. Ada juga beberapa bentuk kata dasar yang bergabung menjadi satu perkataan dan ada pula kata dasar yang digandakan. Kata ganda itu diulang sebutannya, sama ada sebahagian atau keseluruhannya.

Definisi

Perkataan ialah bentuk kata yang terkecil, boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna.



buku	tinggi	tertinggi	telunjuk
rajin	kerajinan	rajin-rajin	kemuning



Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
buah	berbuah	anak buah	buah-buahan
tidur	Tertidur	tidur mati	ketidur-tiduran
satu	persatuan	satu hati	satu-satunya
jalan	Jalanan	jalan raya	jalan-jalan

Latihan 1.1



Nyatakan bentuk kata perkataan-perkataan berikut:

Contoh

Soalan : hijau daun

Jawapan : kata majmuk

- | | |
|------------------------|---------------------------|
| 1. kerusi = _____ | 6. komputer = _____ |
| 2. tetikus = _____ | 7. guru-guru = _____ |
| 3. pejabat = _____ | 8. kereta api = _____ |
| 4. biru laut = _____ | 9. beribu-ribu = _____ |
| 5. merah jambu = _____ | 10. gunung-ganang = _____ |

Huruf yang Hilang

Tuliskanlah huruf-huruf kecil yang hilang sesuai urutan

Latihan 1.2

Bina sebuah perbualan serta memberikan sebuah tajuk perbualannya:

A large rectangular area with a dashed orange border, containing 20 horizontal dashed lines for writing.

Pelajaran 2

Perbualan

DI SEKITAR RUMAH


- Siti** : Hari ini hari minggu. Asmah dan Amin ada di rumah.
Eloklah kamu berdua kemaskan rumah.
- Amin** : Saya sudah kemaskan katil saya.
- Asmah** : Saya sudah kemaskan almari pakaian saya.
- Siti** : Ada benda-benda lain yang perlu dikemaskan.
- Asmah** : Benda-benda apa?
- Siti** : Umpamanya, langsir perlu dicuci.
- Amin** : Lagi mak?
- Siti** : Lantai rumah perlu dibersihkan dengan pembersih vakum.
- Amin** : Saya akan bersihkan lantai rumah dengan pembersih vakum.
- Asmah** : Saya akan cuci langsir.
- Siti** : Baguslah kalau begitu, rajin menolong emak.
- Amin** : Di manakah pembersih vakum disimpan?
- Siti** : Di dalam bilik stor. Mulakan kerja kamu sekarang.
- Asmah** : Emak pula buat apa?
- Siti** : Emak hendak memasak. Pukul 12.30 tengah hari nanti kita makan tengah hari

TAMBAH KOSA KATA ANDA		
katil	jam loceng	kapsul
cadar	jam dinding	plaster
selimut	komputer	pembalut luka
laci	tetikus	ubat cecair
lampu	thermometer	akhbar
kunci	kotak ubat	majalah
televesyen	pil	mesin jahit
radio	kemera	album
gambar	bantal	alat pendingin hawa



KATA TUNGGAL

Perkataan bentuk tunggal ialah perkataan yang terdiri daripada satu binaan sahaja. Perkataan ini tidak mengalami apa-apa proses sama ada proses pengimbuhan, pengandaan atau proses pemajmukan. Perkataan yang berbentuk tunggal ini disebut kata tunggal. Ada kata tunggal yang terdiri daripada satu suku kata, dua suku kata, tiga suku kata dan empat suku kata. Lihat contoh di bawah.



Satu suku Kata	Dua suku kata	Tiga suku kata	Empat suku kata
roh	ibu	tuala	bidadari
tin	air	buaya	maharaja
wang	buku	periuk	sentimeter

Setelah kamu memahami bentuk kata tunggal, cuba kamu senaraikan 10 kata tunggal berdasarkan barang-barang yang terdapat di sekitar kamu.

- | | |
|----------|-----------|
| 1. _____ | 6. _____ |
| 2. _____ | 7. _____ |
| 3. _____ | 8. _____ |
| 4. _____ | 9. _____ |
| 5. _____ | 10. _____ |

Latihan 2.1

Senaraikan lima kata tunggal berdasarkan huruf di bawah.

Kata tunggal yang bermula dengan huruf **s**

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Kata tunggal yang mengandungi konsonan **ng**

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Latihan 2.2

Teliti gambar. Kemudian, senaraikan kata tungen berdasarkan bahagian-bahagian rumah dan objek-objek yang terdapat di kawasan rumah tersebut.



Contoh : bunga

- 1.....
- 2.....
- 3.....
- 4.....
- 5.....
- 6.....
- 7.....
- 8.....
- 9.....
- 10.....

Ingat, jangan ditambah apa-apa imbuhan, nanti akan terbentuk kata terbitan pula



Latihan 2.3

Cari 12 kata tunggal yang tersembunyi di dalam petak huruf di bawah.

Kata kuncinya ialah **perkakas dapur**

e	r	y	u	k	s	l	z	a	d	b	j	g
m	a	n	g	k	u	k	i	f	w	r	e	t
q	a	s	e	r	d	a	a	p	r	o	n	f
s	p	e	r	i	u	k	o	i	h	e	d	y
d	i	t	f	g	w	u	h	s	y	d	g	h
f	n	g	d	j	c	a	w	a	n	c	h	u
h	g	j	c	n	q	l	f	u	u	g	j	o
i	g	k	o	t	p	i	r	i	n	g	k	p
o	a	v	c	e	r	e	k	u	i	a	o	d
r	n	s	e	k	e	p	g	e	l	a	s	e
c	w	y	t	o	t	u	e	s	d	q	p	s



Latihan 2.4

Bina sebuah perbualan kosa kata di bawah

ini:

guru cantik universiti kawan

A large rectangular area with a dashed orange border, containing 20 horizontal dashed lines for writing.

Pelajaran 3

Perbualan

PEMERIKSAAN IMIGRESEN DAN KASTAM

(Di kaunter pemeriksaan imigresen)

Pegawai : Selamat petang. Selamat datang ke Thailand.

Sahizan : Selamat petang. Terima kasih.

Pegawai : Nama saudara ini Nasiran atau Sahizan? Saya kurang faham dengan sistem nama Melayu.

Sahizan : Nama saya Sahizan. Nasiran nama keluarga saya.

Pegawai : Terima kasih, Saudari Sahizan. *(Meneliti pasport)*
Jadi, Saudari Sahizan akan bekerja di Thailand selama dua tahun?

Sahizan : Ya. Saya akan bekerja di Thailand selama dua tahun.

Pegawai : *(Menurunkan cap di pasport Sahizan).* Selamat datang dan selamat bertugas. *(Kemudian menyerahkan pasport kepada Sahizan).*

Sahizan : Terima kasih

(Di tempat pemeriksaan kastam)

Pegawai : Saudari dari mana?

Sahizan : Dari Kuala Lumpur, Malaysia.


Pegawai : Datang ke sini untuk melancong?

Sahizan : Tidak. Saya datang untuk bekerja di Thailand selama dua tahun.

- Pegawai : Apakah yang saudara bawa dalam dua bagasi ini?
 Sahizan : Dalam bagasi berwarna hitam ini ada pakaian saya. Dalam bagasi berwarna merah ini pula ada beberapa naskhah buku dan alat-alat solek saya.
- Pegawai : Bolehlah saudara buka bagasi merah ini?
 Sahizan : Boleh. *(Lalu membuka bagasi merah)*
- Pegawai : *(Melihat isi bagasi sebentar, kemudian menutup bagasi itu semula)*. Tidak ada barang yang dikenakan cukai.
- Sahizan : Di manakah saya boleh membeli kupon teksi?
 Pegawai : Selepas keluar dari pintu ini, belok ke kanan. Saudari akan nampak kaunter menjual kupon teksi.

TAMBAH KOSA KATA ANDA		
melancong	hitam	Merah
berehat	kelabu	Biru
bercuti	perang	Hijau
urusan perniagaan	coklat	Kuning
melawat saudara-mara	putih	merah jambu






Definisi

Pengimbuhan ialah proses yang menggandingkan imbuhan dengan kata dasar. Proses ini menghasilkan perkataan yang disebut kata terbitan.

Jenis Imbuhan

Imbuhan dibahagikan kepada empat jenis berdasarkan kedudukan imbuhan itu dalam perkataan. Empat jenis imbuhan ialah:




❖ **Awalan**

Awalan ialah bentuk imbuhan yang digandingkan dengan bahagian awal kata dasar. Proses ini menghasilkan kata

nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan.

Jenis Awalan

Awalan terdiri daripada tiga jenis berikut:



(a) Awalan kata nama

Awalan kata nama yang menghasilkan kata nama terbitan.

Contoh :

pe-	+	maaf	→	pemaaf
pem-	+	bawa	→	pembawa
peng-	+	acara	→	pengacara
penge-	+	lap	→	pengelap

➤ **Awalan peN-**

Awalan peN-terdiri daripada empat bentuk kelainan, iaitu pe-, pem-, pen-, peng-, dan penge-.

1. **peN-** menjadi **pe-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

2. **peN-** menjadi **pem-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

3. **peN-** menjadi **pen-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

4. **peN-** menjadi **peng-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	

5. **peN-** menjadi **penge-** apabila digabungkan : _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

(b) Awalan kata kerja

Awalan kata kerja yang menghasilkan kata kerja terbitan:

Contoh

me-	+	lawan	→	melawan
mem-	+	bawa	→	membawa
meng-	+	angkat	→	mengangkat
menge-	+	lap	→	mengelap
ber-	+	kawan	→	berkawan

➤ **Awalan meN-**

Awalan meN-terdiri daripada empat bentuk kelainan, iaitu me-, mem-, men-, meng-, dan menge-

1. **meN-** menjadi **me-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

2. **meN-** menjadi **mem-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

3. **meN-** menjadi **men-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

4. **meN-** menjadi **meng-** apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf: _____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

5. **meN-** menjadi **menge-** apabila digabungkan dengan:_____

contoh

	+		→	
	+		→	
	+		→	

(c) Awalan kata adjektif

Awalan kata adjektif yang menghasilkan kata adjektif terbitan:

Contoh

ter-	+	besar	→	terbesar
ter-	+	tua	→	tertua
ter-	+	pandai	→	terpandai
ter-	+	rendah	→	terendah
se-	+	cantik	→	secantik
se-	+	nipis	→	senipis
se-	+	gagah	→	segagah
se-	+	panjang	→	sepanjang


Contoh dalam ayat


1. Beliau ialah mahasiswa Universiti Fatoni.
2. Tidak ramai murid yang berbasikal ke sekolah.
3. Salman membawa bekal makanan ke sekolah.
4. Ketua kelas kami di pejabat guru besar sekarang.
5. Pengacara terkenal itu kakak rakan sekolah kami.
6. Menara yang tertinggi di negara ini di Kuala Lumpur.


Latihan 3.1


Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini.


pandai bercerita mengejar tikus menghantar surat
 mengajar murid-murid bermain buaian

1.  Kucing _____
 _____ .

2.  Guru itu _____
 _____ .


3.  Nenek saya _____
 _____ .

4.  Mereka _____
 _____ .


5.  Posmen itu _____
 _____ .


Latihan 3.2

Susunkan perkataan ini menjadi ayat yang betul.


1  melawat ▲ Ibu bapa ▲ Zoo Melaka ▲ kami ▲ membawa


2 kereta api ▲ Kami ▲ menaiki ▲ di zoo ▲ binatang liar ▲ melihat ▲ untuk




3  terlompat-lompat ▲ Monyet ▲ apabila ▲ pengunjung ▲ nampak

4 menarik ▲ Terdapat ▲ burung ▲ juga ▲ persembahan ▲ yang



5  bola ▲ bermain ▲ Telatah ▲ sungguh ▲ melucukan ▲ gajah

6 meninggalkan ▲ gembiranya ▲ Kami ▲ zoo ▲ dengan



Latihan 3.2

Bina sebuah perbualan : Dalam perbualan mesti menggunakan perkataan berimbuhan Awalan lebih daripada 5 perkataan.

A large rectangular area with a dashed orange border, containing 20 horizontal dashed lines for writing.


Pelajaran 4

Perbualan

MENEMPAH BILIK HOTEL

- Petugas Kaunter : Selamat petang, encik.
- Pelancong : Selamat petang, saya ingin menempah bilik.
- Petugas Kaunter : Bilik bagaimana yang anda mahu? Kami ada bilik kecil, bilik besar, dan bilik berkembar.
- Pelancong : Saya mahu bilik besar untuk tiga malam.
- Petugas Kaunter : Baiklah, saya beri bilik number tiga, tingkat satu.
- Pelancong : Berapa harganya?
- Petugas Kaunter : Murah saja! 500 Bath permalam.
- Pelancong : Adakah termasuk sarapan pagi?
- Petugas Kaunter : Ya, termasuk sarapan pagi.
- Pelancong : Kalau begitu, saya setuju.
- Petugas Kaunter : Encik, boleh tolong isi borang ini?
- Pelancong : Tak ada masalah. (setelah borang diisi) Nah, ini borangnya!
- Petugas Kaunter : Terima kasih, ini kunci bilik! Kalau ada apa yang encik perlukan sila hubungi meja pendaftaran.

TAMBAH KOSA KATA ANDA			




6. Akhiran

Akhiran ialah bentuk imbuhan yang digandingkan kepada bahagian akhir kata dasar. Proses ini menghasilkan kata nama terbitan dan kata kerja terbitan

Jenis Akhiran

Terdapat dua sahaja akhiran asli dalam bahasa Melayu, iaitu akhiran kata nama dan akhiran kata kerja.



(a) Akhiran kata nama yang menghasilkan kata nama terbitan:

- ❖ Terdapat satu sahaja akhiran kata nama asli dalam bahasa Melayu, iaitu akhiran **-an**. Akhiran **-an**, apabila bergabung dengan kata dasar, akan membentuk kata nama.

pakai	+	-an	→	pakaian
main	+	-an	→	mainan
laut	+	-an	→	lautan
bekal	+	-an	→	bekalan
suruh	+	-an	→	suruhan
puluh	+	-an	→	puluhan


Contoh dalam ayat

1. Kawasan lapangan ini sangat luas.
2. Anjing garang itu di dalam kurungan.
3. Tulisan dalam buku saya tulisan Jawi.
4. Kapal selam tersebut ke lautan Atlantik.
5. Manisan yang dihidangkan itu madu lebah.

(b) Akhiran kata kerja yang menghasilkan kata kerja terbitan:

- ❖ Terdapat dua akhiran kata kerja, iaitu akhiran **-kan** dan akhiran **-i**.

1. Akhiran **-kan** ialah akhiran yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja.

contoh

beri	+	-kan	→	berikan
cari	+	-kan	→	carikan
cerita	+	-kan	→	ceritakan
besar	+	-kan	→	besarkan

Contoh dalam ayat

1. Kisah yang kamu ceritakan itu kisah lama.
2. Nenek akan saya carikan ubat akar-akar kayu.
3. Bilik yang kita besarkan ini untuk pegawai baharu.

2. Ahiran **-i** ialah akhiran yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja.

contoh

jalan	+	-i	→	jalani
duduk	+	-i	→	duduki
ikut	+	-i	→	ikuti
contoh	+	-i	→	contohi


Contoh dalam ayat

1. Rumah baharu akan kami duduki itu besar.
2. Yang akan kami contohi ialah kegigihan beliau.
3. Laporan lawatan yang kami ikuti di meja ketua jabatan.

Latihan 4.1


F Gariskan imbuhan akhiran yang betul.

1. Jawap(an / kan) yang diberikan oleh Azlina adalah salah.
2. Saya yang buang(an / kan) sampah sarap itu semalam.
3. Asri sedang baik(an / i) kereta Ah Meng yang rosak di bangkelya.
4. Nurul, tolong jauh(kan / an) radio itu daripada nenek yang sedang tidur.
5. Fikir(kan / an) Chin Hong Phin terganggu disebabkan ibunya sakit.
6. Jangan sesekali ingkar(i / an) pesan ibu bapa dan guru.
7. Makan(kan / an) yang dibeli di kantin itu terlalu masin.



Latihan 4.2

Bina sebuah perbualan : Dalam perbualan mesti menggunakan perkataan berimbuhan Akhiran lebih daripada 6 perkataan.



Pelajaran 5

Perbualan

DI KLINIK

Noor seorang pegawai di syarikat pelancongan mengalami demam yang agak teruk. Pada hari itu, dia mengambil cuti sakit dan meminta abangnya untuk menghantarnya ke sebuah klinik yang berdekatan. Berikut ialah perbualan antara Noor dengan doktor yang bertugas.

Noor : Selamat pagi, doktor.

Doktor : Selamat pagi, saudari Noor. Sila duduk.

Noor : Terima kasih.

Doktor : Apa masalahnya?

Noor : Saya demam, sejak kelmarin, doktor.

Doktor : Ada apa-apa gejala yang lain, macam hinguskah? Sakit tekakkah? Atau lain-lain?


Noor : Tidak, tetapi sakit kepala dan sakit sendi.

Doktor : Ada batuk?

Noor : Ada sedikit, tetapi tidak ada kahak.

Doktor : Mari saya tengok tekak saudari, nganga mulut. Aaaa.Hmm , bengkak sedikit. Ada cirit-birit?

Noor : Tidak, doktor.




❖ **Apitan**

Apitan ialah bentuk imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan pada belakang kata dasar. Proses ini menghasilkan kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan.

Jenis Apitan

Terdapat tiga jenis apitan dalam bahasa Melayu, ialah apitan kata nama, apitan kata kerja dan apitan kata adjektif.



(a) Apitan kata nama

Apitan kata nama ialah bentuk imbuhan awalan dan akhiran yang ditambahkan serentak di hadapan dan di belakang kata dasar untuk membentuk kata nama terbitan.

pe-...-an	+	perang	→	peperangan
pem-...-an	+	bawa	→	pembawaan
pen-...-an	+	dapat	→	pendapatan
peng-...-an	+	ikat	→	pengikutan
penge-...-an	+	tahu	→	pengetahuan
ke-...-an	+	kuat	→	kekuatan

(b) Apitan kata kerja

Apitan yang ditambahkan seruk imbuhan awalan dan akhiran yang ditambahkan serentak di hadapan dan di belakang kata dasar untuk membentuk kata kerja terbitan

me-...-i	+	lawat	→	melawati
mem-...-i	+	banjir	→	membanjiri
men-...-i	+	dapat	→	mendapati
meng-...-i	+	hias	→	menghiasi
meng-...-i	+	khianat	→	mengkhianati
me-...-kan	+	laku	→	melakukan
men-...-kan	+	cerita	→	menceritakan
mem-...-kan	+	beri	→	memberikan
meng-...-kan	+	hadiah	→	menghadiahkan
menge-...-kan	+	sah	→	mengesahkan


(c) Apitan kata adjektif

Apitan kata adjektif mempunyai satu bentuk iaitu, ke-...-an, yang menunjukkan suatu keadaan atau sifat kata nama yang diterangkan.

ke-...-an	+	barat	→	kebaratan
ke-...-an	+	Melayu	→	kemelayuan
ke-...-an	+	Arab	→	kearaban
ke-...-an	+	Cina	→	kecinaan
ke-...-an	+	timur	→	ketimuran

Contoh dalam ayat

1. Gaya dia bercakap agak keinggerisan.
2. Pendapatannya sangat besar setiap bulan.
3. Murid itu mendapat keputusan yang terbaik.
4. Ayah tidak selera apabila didekati oleh jurujual itu.
5. Abang ke rumah jirannya untuk menyelesaikan masakan itu.
6. Murid yang mengikuti program tersebut dari luar bandar.



Latihan 5.1

Berikan perkataan imbuan yang sesuai pada tempat kosong

1		+		→	peperangan
2	men-...-kan	+		→	
3		+		→	kemasukan
4		+	yakin	→	
5		+		→	menjalankan
6	mem-...-i	+	bohong	→	
7		+		→	kematian
8	ke-...-an	+	agung	→	
9		+		→	menghulurkan
10	meng-...- kan	+	hasil	→	
11		+		→	kejadian

Latihan 5.2

Gariskan jawapan yang betul

1. Ada banyak bahan (**bacaan, bacakan**) di perpustakaan.
2. Saya memilih buku cerita yang saya (**sukai, sukaan**).
3. Tolong (**belikan, belian**) sebungkus nasilemak.
4. (**Senaman, Senamkan**) dapat menyihatkan badan.
5. Susu ialah (**minuman, minumi**) yang berkhasiat.

Pelajaran 6

MEMBACA DAN MEMAHAMI

ANTARA NYAWA DENGAN RINGGIT

Asri tidak dapat melengkapkan matanya pada malam itu. Baginya, lautan luas dan dalam bukanlah suatu yang asing,. Dia telah bertahun-tahun menjadi kelasi. Dia juga pernah berkhidmat dengan pasukan keselamatan sebagai juru selam. Bukan itu sahaja, malah dia juga seorang penyelam mutiara semasa muda. Siang tadi dia ditemui oleh seorang pemilik kapal. Malangnya, kapalnya telah tenggelam.

“Awak perlu menolong saya. Saya tahu awak mahir menyelam, malah awak pernah menjadi penyelam mutiara, kan?” kata pemilik kapal itu, sambil berjalan mundur-mandir di ruang sempit itu.

“Mana encik tahu semua ini?” Tanya Asri kehairanan. “Itu dulu, encik, semasa saya muda-muda. Saya dah tinggal dunua bawah laut”. Jawabnya bersungguh-sungguh untuk menyakinkan pemilik kapal itu.

“Jangan bimbang, Asri.Saya ada semua peralatan. Awak hanya perlu mengambil barang kepunyaan saya iaitu sebuah kotak kecil segi empat yang berisi mutiara dan permata berharga. Kotak itu terletak di dalam kabin utama tempat saya menginap. Ini rajah kapal saya dan kedudukannya di dasar laut sekarang. Jika awak berjaya mendapatkan kotak itu, saya akan memberikan upah kepada awak sebanyak seratus ribu ringgit. Ini wang pendahuluannya. Saya mahu awak rahsiakan perkara ini dan saya akan mengaturkan orang-orang saya untuk membantu awak”.

Kini, Asri berada di perut laut. Gelap pekat. Kedudukannya tepat pada kapal yang tenggelam itu. Kapal itu sederhana besarnya. Asri berenang perlahan-lahan dengan bantuan lampu picit.


“Di mana hendak kucari kotak kecil yang berharga itu?” bisik hati kecil Asri. Namun, dalam keadaan seperti itu Asri tetap tidak lupa akan keselamatan dan nyawanya yang lebih berharga daripada kotak kecil itu. Asri menghalakan lampunya ke arah kabin utama. Tiba-tiba dia terlihat seorang penyelam sepertinya terkapai-kapai. Orang itu cuba melepaskan dirinya daripada tindihan sebuah tong yang tidak diketahui isinya. Mujur dia masih bernafas kerana masih ada oksigen bersamanya.

Imbuan rasa kemanusiaan menyelubungi perasaan Asri. Dia terlupa akan wang seratus ribu ringgit atau kotak yang berisi pertama berharga.

“Kasihlah, aku mesti menyelamatkan dia,” Azam Asri.

Asri berusaha untuk mengubah tong yang menindih orang itu. Dengan sekali tendangan sahaja, tong itu tergolek dan sekaligus manusia yang tidak dikenali itu terlepas daripada bebanan yang ditanggungnya. Asri memberinya sedikit oksigen. Tanpa berlelah Asri menarik orang itu meluncur ke atas bersamanya tanpa menghiraukan ganjaran yang dijanjikan.






❖ **Sisipan**

Sisipan ialah imbuhan yang masuk di celah kata dasar. Proses ini menghasilkan kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan.

Jenis Sisipan

Imbuhan sisipan terdiri daripada sisipan kata nama, kata kerja dan kata adjektif.



(a) Sisipan kata nama mempunyai tiga bentuk , iaitu **-el-**, **-er-**, dan **-em-**.

Contoh

-el-	+	tapak	→	telapak
-el-	+	tunjuk	→	telunjuk
-er-	+	kuping	→	keruping
-er-	+	gigi	→	gerigi
-em-	+	kuning	→	kemuning
-em-	+	kuncup	→	kemuncup

(b) Sisipan Kata Kerja

Dalam bahasa Melayu, tidak ada sisipan yang dapat membentuk kata kerja. Namun demikian, perkataan yang terdiri daripada kata nama dan kata adjektif yang mengandungi sisipan dapat dijadikan kata kerja melalui proses pengimbuhan.

Contoh

-el-	+	getar	→	geletar	+	meng-	→	menggeletar
-el-	+	jajah	→	jelajah	+	men-	→	menjelajah
-er-	+	ketot	→	keretot	+	ber-	→	berkeretot
-er-	+	kelip	→	ke(r)elip	+	ber-	→	berke(r)elip
- em-	+	guruh	→	gemuruh	+	ber-	→	bergemuruh
- em-	+	serbak	→	semerbak	+	ber-	→	bersemerbak

(c) Sisipan kata adjektif mempunyai empat bentuk, iaitu –em-, -el-, -er- dan -in-.

Contoh

-el-	+	serak	→	selerak
-el-	+	gembung	→	gelembung
-er-	+	kelip	→	ker(e)lip
-er-	+	godak	→	gerodak
-em-	+	guruh	→	gemuruh
-em-	+	serbak	→	semerbak
-in-	+	sambung	→	sinambung

Contoh dalam ayat

1. Jari telunjuk ayah bengkok.
2. Kulit tempat lukanya menjadi keruping.
3. Air yang dimasak sudah menggelegak.
4. Burung merpati di telapak tangan abang.
5. Jamuan selerak tersebut di tepi kolam renang.
6. Cahaya bintang gemerlap pada waktu malam.
7. Sambutan Hari Kemerdekaan itu sungguh gemilang.

Latihan 6.1


Kategorikan imbuhan sisipan berikut :-

geletar	semerbak	serabut	gerigi
keruping	gemuruh	kerlip	jelajah
kelembung	gelabah	keretap	telunjuk
kelupas	gerodak	gemerlap	

Sisipan '-el'	Sisipan '-er'	Sisipan '-em'
------------------	------------------	------------------

Latihan 6.2 Lengkapkan ayat di bawah dengan menggunakan perkataan bersisipan yang sesuai.

Contoh



Soalan : Jari_____ (tunjuk) adik luka petang semalam.

Jawapan :Jari telunjuk adik luka petang semalam.

1. Sungguh harum_____ (serbak) bunga itu.
2. Itu _____ (gembung) udara dalam larutan.
3. Dia geli-_____ (geman) apabila ditegetek.
4. Kejayaan yang _____ (gilang) harapan kami.
5. Lantai itu perlu dibaiki kerana sudah ber_____ (gigi).

Pelajaran 7

Perbuahan

KEMALANGAN JALAN RAYA

- Aminah : Kelmarin, semasa saya memandu kereta di Yala. Saya mengalami kemalangan.
- Huda : Macam mana kemalangan itu berlaku?
- Aminah : Kemalangan itu berlaku di simpang lampu isyarat. Saya memandu kereta apabila lampu isyarat bertukar hijau. Tapi, pemandu dari simpang kiri tidak berhenti walaupun lampu isyarat merah sudah menyala. Apalagi, saya terlanggar keretanya.
- Huda : Ada sesiapa yang cedera?
- Aminah : Tidak. Hanya kereta kami rosak teruk.
- Huda : Sudahkah membuat laporan polis?
- Aminah : Ya, saya sudah membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Bandar.
- Huda : Saya percaya kereta ada insurans.

Aminah : Ya, kereta itu ada insurans. Saya sudah memberitahu syarikat insurans tentang kemalangan itu.

Huda : Di manakah kereta itu sekarang?

Aminah : Di bengkel.

Huda : Berapa lamakah untuk memperbaiki kereta itu?

Aminah : Menurut mekanik, kira-kira tiga minggu.

TAMBAH KOSA KATA ANDA		
tuan gear	pengelap skrin kaca	enjing
brek tangan	skrin kaca	roda stereng
nombor plat	bumbung	kunci
lampu depan	roda	bonet
lampu belakang	tayar	tempat cuci kereta
meter laju	penutup tangki minyak	pintu

PENGGANDAAN



Definisi

Penggandaan ialah proses mengulangi kata dasar untuk membentuk perkataan baharu.

Contoh Kata Ganda	
Perkataan	Penggandaan penuh kata dasar tunggal
buku	buku-buku
meja	meja-meja
itik	itik-itik
sekolah	sekolah-sekolah
ketua	ketua-ketua
kementerian	kementerian-kementerian
langit	lelangit
bola	bebola
tikus	tetikus
jari	jejari
berlari	berlari-lari
mencari	mencari-cari
kuih	kuih-muih
lauk	lauk-pauk
gunung	gunung-ganang
ulang	ulang-alik

Contoh dalam ayat

1. Guru-guru sekolah itu perempuan.
2. Budak itu sedang menangis teresak-esak.
3. Warna pakaian gadis ini kehijau-hijauan.
4. Setiap petang kami bersiar-siar di taman bunga.
5. Cantik-cantik pakaian yang dijual di kedai itu.

Latihan 7.1

Isi ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan kata ganda penuh yang sesuai.

Gandakan kata. Isi tempat kosong di bawah.



1. Ibu memberi _____ itu makanan. (ayam)
2. _____ itu berenang di kolam. (itik)
3. _____ itu di dalam bakul. (ubi)
4. _____ itu sangat cantik. (rama)
5. _____ berjalan perlahan-lahan. (kura)

Latihan 7.2

Bagi setiap kata ganda yang disenaraikan,
nyatakan kata dasarnya.

Kata ganda

Kata dasarnya

1. Sesiku

.....

2. Tanya-tanyakan

.....

3. Rindu-rindukan

.....

4. Bertukar-tukar

.....

5. Diejek-ejekkan

.....

6. Pepohon

.....

7. Kejar-mengejar

.....

8. Sebijak-bijak

.....

9. Kemerah-merahan

.....

10. Mendayu-dayu

.....

Pelajaran 8

Perbuasan

DI STESEN PETROL

(Di dalam perjalanan)

- Ahmad : Nampaknya petrol kereta ini hamper habis.
Hasnah : Eloklah diisi sebelum habis.
Asma : Di manakah kita henda mengisi petrol kereta ini?
Ahmad : Saya Nampak stesen petrol di depan sana.

(Di stesen petrol)

- Ahmad : Ini wang tiga ratus bath (300 Bath).
Bolehkah Asma bayar kepada juruwang stesen ini?
Asma : Boleh. Tapi mengapakah tidak ada pelayan di stesen ini?
Hasnah : Pemilik stesen petrol sukar mendapatkan pekerja tempatan. Gaji mereka pun mahal. Jadi, pemilik kereta kena buat sendiri.
Asma : Itu cara yang bagus.
Hasnah : Asma, beritahu kepada juruwang, kereta kita di kios pam nombor lima.

Asma : (*Kedai juru wang*). kami perlu petrol tiga ratus bath (300 bath). Ini wangnya. Kereta kami di kios pam nombor lima.

Juruwang : Terima kasih

Asma : Saudara ada menjual peta jalan Semenanjung?

Juruwang : Ada, harganya tuju puluh bath (70 bath).

Asma : Saya perlukan satu. Ini wangnya.

Juruwang : Terima kasih

Asma : Sama-sama.

Selain stesen petrol, bangunan dan benda apakah yang boleh anda lihat di bandar?

TAMBAH KOSA KATA ANDA

dewan bandar raya	pasar	stadium sukan
panggung wayang	gerai	muzium
kolam renang	kilang	balai seni lukis
rumah pangsa	bangunan pencakar langi	masjid
apartmen	bangunan pejabat	gereja
kondominium	lampu isyarat	kuil
pondok telefon	lampu jalan	akuarium

Tatabahasa

Kata Majmuk

Perkataan dalam bahasa Melayu juga terbentuk melalui proses pemajmukan. Pemajmukan ialah proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang berlainan makna untuk membentuk perkataan baharu yang mempunyai satu makna sahaja. Kata majmuk, lazimnya, dieja terpisah tetapi terdapat juga beberapa kata majmuk yang dieja bercantum.

Contoh kata majmuk

alat tulis	berat tangan	anak emas
gambar rajah	perdana menteri	panjang tangan
biru laut	duta besar	ulat buku
batu kapur	jam tangan	antarabangsa
urus setia	bola sepak	beritahu
atur cara	segi tiga	kakaitangan
kaki ayam	graf tangan	olahraga
bandar raya	baik hati	tandatangan

Latihan 8.1

Bina kata majmuk dengan memadankan perkataan dalam Kelompok A dengan perkataan dalam Kelompok B.

Kelompok A	
1.	olah
2.	atur
3.	beri
4.	anak
5.	setia
6.	meja
7.	mata
8.	tanda
9.	ringan
10.	kereta

Kelompok B	
a.	hari
b.	cara
c.	emas
d.	raga
e.	tahu
f.	usaha
g.	tulis
h.	tulang
i.	kuda
j.	seru

Latihan 8.2

Bina ayat perkataan-perkataan di bawah ini:-

1. Mata air = _____
2. Kurus kering = _____
3. Antarabangsa = _____
4. Nasi minyak = _____
5. Kerjasama = _____
6. Terima kasih = _____

Latihan 8.3

Senaraikan kata majmuk yang berkaitan dengan tempat-tempat berikut.

Di ruang tamu

Contoh : jam tangan

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Di kantin universiti

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Di bilik darjah

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Di kedai

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Pelajaran 9

MEMBACA DAN MEMAHAMI

SARAH PANDAI BERCEKITA

Sarah seorang Mahasiswa di Universiti Fatoni, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Jurusan Bahasa Melayu. Semua orang di kampungnya memanggil Ka'Sarah, setiap hari Ka'Sarah menceritakan kisah-kisah al-Quran, maka dia sangat dikasihi oleh semua orang, baik tua mahupun muda.

Hanan dan Fatim pelajar sekolah menengah yang sekampung dengan Sarah, setiap hari mereka berdua datang belajar al-Quran juga mendengar kisah-kisah al-Quran di rumah Ka'Sarah. Kisah yang di ceritanya banyak mendapat pengajaran dan iktibar.

Ka'Sarah pernah menceritakan kisah dari surah Luqman, yang terdapat padanya banyak nasihat, pesanan ayah kepada anak. Luqman memberi nasihat dengan katanya: "Wahai anakku hendaklah kamu bertauhid kepada Allah serta berakhlak mulia kepada manusia, seperti bersifat jujur, suka membalas budi, bersabar dan sentiasa berbuat baik."

Hanan bertanya : Jika kita berakhlak yang terpuji, apa pula sifat-sifat yang tercela dalam pesanan Luqman?

Ka'Sarah menjawab : Sifat tercela itu, ialah bersyirik terhadap Allah, sebab syirik merupakan kezaliman, dan bersifat menghina dan menyombong diri sesama manusia.

Dengan akhlak tercela itu, Allah akan menurunkan kecelakaan dengan serta merta, terhadap kaum itu.

Fatin bertanya Ka'Sarah supaya Ka'Sarah menceritakan, mengenai kaum yang di azab Allah dengan serta merta itu, dan kaum manakah yang melawan Nabi Allah, akibatnya mereka mendapat kehancuran dengan serta merta.

Ka'Sarah menjelaskan : Mereka yang dibinasakan oleh Allah, seperti Firaun yang bersifat sombong kepada Nabi Musa dalam laut, begitu juga, Allah tenggelamkan harta Qarun ke dalam bumi, sebab dia terlalu bakhil.

Hanan bertanya lagi, kaum manakah lagi yang dibinasakan oleh Allah?

Ka'Sarah menjelaskan lagi : Mereka itu ialah Kaum Lut (Alaihissalam) yang dihancurkan Allah dengan membalikkan bumi. Sehingga semua kaum Lut yang berdosa hancur binasa. Manakala Kaum Nabi Nuh (Alaihissalam) pula di timpa banjir Tuhan, sehingga yang tidak beriman kepada Allah, semuanya mati tenggelam.


Ka'Sarah pandai pula menasihati supaya pendengar kuatkan iman, untuk menempuhi ujian, bersabar dalam menegakkan kebenaran.

Ka'Sarah menceritakan lagi : Surah al-Kahfi menceritakan Ashabul Kahfi (ahli gua), mereka adalah pemuda yang kuat iman, mereka tetap mempertahankan iman sekalipun mesti berhijrah, mesti bersabar sehingga detik

terakhir. Allah Mencatatkan sejarah mereka dalam al-Quran. Untuk menjadi ikhtibar dan pengajaran bagi semua manusia yang berfikir.

Kalau surah al-Buruj pula menceritakan as- Ashabul Ukhdud (ahli parit), mereka mempertahankan iman terhadap Allah yang Maha Terpuji, sehingga mereka di bakar hidup-hidup, mereka dipuji oleh Allah sebab ketegohan iman mereka.

Dari cerita ini dapat kita fahamkan bahawa kisah-kisah dalam al-Quran itu, sangat manfaat kepada kita. Makin banyak kita faham tentang cerita dalam al-Quran maka makin kuat pula iman kita, Insya Allah.





Tanda baca digunakan untuk melengkapkan ayat. Tanda baca dalam ayat memberi isyarat kepada pembaca untuk membaca mengikut intonasi yang sesuai.

Di antara tanda baca utama ialah :

Tanda noktah atau titik (.)

Tanda koma (,)

Tanda sempang atau sengkang (-)

Tanda noktah bertindih (:)

Tanda pengikat kata atau petik (“ ”)

Tanda Baca	Penggunaannya	Contoh Ayat
Tanda koma (,)	Mengasingkan kata yang sama jenis dalam ayat lepas kata seru Sebelum tanda pembuka kata (“) atau penutup kata (”)	Emak membeli sayur, ikan dan daging di pasar. Wah, tingginya bangunan itu! “Murid-murid, sila beratur di padang,” kata cikgu.
Tanda noktah (.)	Diletak di akhir ayat	Saya berumur 9 tahun.

Tanda tanya (?)	Diletak di akhir ayat tanya	Ke manakah kamu pergi semalam?
Tanda seru (!)	Diletak di akhir ayat seruan	Aduh, sakitnya perut saya!
Tanda petik ("...")	Diletak pada awal dan akhir ayat cakap ajuk	"Saya suka makan aiskrim," kata Jenny.
Tanda Baca	Penggunaannya	Ayat Contoh
Huruf besar (A...Z)	Diguna pada huruf awal perkataan pertama dalam setiap ayat. Diguna pada huruf awal kata nama khas	Pak cik saya seorang polis. Rashid tinggal di Taman Selayang.
Tanda Sempang (-)	digunakan bagi kata ganda	-Mereka membawa buah-buahan ke rumah nenek. - Sayur-sayuran itu segar belaka. -Rama-rama itu berterbangan.
Tanda Titik Bertindih (:)	-Pada akhir sesuatu pernyataan apabila diikuti oleh rangkaian - untuk memberi penjelasan atau memperkenalkan sesuatu	- Barang-barang yang perlu dibawa adalah seperti berikut: parang, sabit, dan cangkul - Tarikh: 3 April 2000 Masa: 2.00 petang Tempat: Bilik Gerakan

Latihan 9.1

Tandakan dengan simbol yang betul.

- a) Tanda noktah.
- b) Tanda koma.
- c) Tanda tanya.
- d) Tanda seru.
- e) Tanda sempang.
- f) Huruf Besar.
- g) Tanda noktah bertindih.

Latihan 9.2

Isikan tanda baca di dalam petak.

1. Hai () malangnya nasib saya hari ini ()
2. Cuaca hari ini sungguh baik ()
3. Siapakah yang menyanyi lagu itu ()
4. () Hantarkan buku latihan ini ke pejabat()() kata cikgu
Laila ()
5. Makanan kegemaran saya ialah ayam goreng () roti ()
burger dan mi ()

Pelajaran 10

Surat Kiriman Tidak Rasmi (biasa)

Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi

1. Surat tidak rasmi merupakan satu surat berbentuk peribadi yang biasanya ditulis kepada ahli keluarga atau sahabat handai dan saudara - mara.


Biasanya ditulis dengan tujuan untuk memberitahu sesuatu perkara seperti antaranya ;

- a. Surat ucap tahniah
- b. Surat ucap takziah
- c. Bertanya khabar berita
- d. Menceritakan tempat-tempat menarik di Universiti kepada sahabat
- e. Pengalaman di tempat baru seperti di sekolah baru
- f. Surat minta kebenaran ibu bapa / penjaga
- g. Membalas surat yang dihantar oleh orang lain dan sebagainya.

2. Antara tujuan menulis surat jenis ini adalah untuk bertanyakan khabar, mengucapkan tahniah, mengucapkan takziah bertukar-tukar pendapat dan menceritakan keadaan kesihatan penulis.

3. Jika membalas surat, sebelum menanyakan sesuatu, terlebih dahulu jawab pertanyaan yang dikemukakan sebelum ini.

4. Gunakan panggilan mengikut usia atau pangkat seperti :
nenda, ayahanda, ibunda / bonda, kakanda / kanda, adinda, anakanda, dan cucunda. Jangan menggunakan ganti nama aku, awak, ataupun kamu.
5. Akhiri surat dengan salam, penghargaan, terima kasih dan keinginan untuk berutus surat lagi.



Panduan Menulis Surat Tidak Rasmi

(a) } _____
 } _____

(b) _____

_____ } (c)
_____ }
_____ }
_____ (d)

_____ } (e)
_____ }
_____ }
_____ } (f)

(g) _____

(h)(.....)

- (a) Alamat pengirim
- (b) Tarikh surat ditulis
- (c) Pembuka kata (pendahuluan)
- (d) Kata panggilan
- (e) Isi-isi surat
- (f) Penutup surat
- (g) Pengakuan
- (h) Tandatangan pengirim

Contoh Surat Ucapan Takziah

12, Jalan Sungai Nipah 2,
Taman Genting Emas,
11000 Balik Pulau,
Pulau Pinang.
5 Januari 2018.

Menemui sahabatku, Ishok, yang kini berada di Singapore dalam keadaan yang sihat. Apa khabar, saudara di sana? Saya berharap saudara sekeluarga sihat walafiat serta saya mendoakan semoga kebahagiaan saudara sekeluarga mengekal selama-lamanya. Dengan itu, saya ingin menasihati saudara sekeluarga untuk bersabar dengan peristiwa yang berlaku secara tidak diingin-inginkan.

Saudara,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan takziah atas pemergian bapamu yang sangat dihormati sekian lama. Selain itu, saya menyusun sepuluh jari dan memohon maaf kerana lewat menghubungimu. Saya pun mendapat berita selepas beberapa hari sahaja kerana sibuk dengan urusan-urusan lain. Saya berharap bahawa saudara bersedia memaafkan saya. Sehubungan dengan itu, setelah saya mendapat berita tersebut, saya telah terperanjat dan terharu akan ketinggalan bapamu kerana bapamu hanya berumur muda.

Tambahan pula, Tuhan lebih menyayangi bapamu yang berhati mulia dan itulah nasib bapamu selama ini. Ketiadaan bapamu menyebabkan saudara sekeluarga "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Namun begitu, saudara tidak wajar menangi pemergian bapamu tetapi lebih bertanggungjawab menjaga adik-adikmu dan menyara keluargamu.

Lebih-lebih lagi, kamu perlu sentiasa bersabar dan mengganti tempat bapamu selama ini. Oleh itu, jangan berputus asa dalam menempuh hari-hari mendatang dan juga dugaan Tuhan untuk menguji hambaNya. Demikian itu, saudara mesti menguatkan azam dan mengukuhkan semangatmu mulai saat ini. Saudara juga perlu menyara keluargamu yang saling bergantung kepadamu kerana ketiadaan bapa seperti kehilangan sebelah tangan bagi mereka.


Akhir di kalam, saya berharap bahawa saudara mengubah sikap mengikut keadaan keluarga dan menguatkan keazamanmu. Semoga berjumpa di lembaran lain dan selama itu mengirinkan salamku buat keluargam

Sahabatmu,

(Ramadhan)

Latihan 10.1

Tulis sepucuk surat kiriman tidak rasmi kepada kawan anda sebanyak 200 perkataan.




Penulisan : Surat Kiriman Rasmi

- 1 Surat kiriman rasmi mempunyai format yang khusus.
- 2 Format surat rasmi mempunyai ciri-ciri teknikal tertentu.
- 3 Surat kiriman rasmi mestilah bersifat formal dan tidak menyentuh perkara-perkara peribadi.
- 4 Beberapa contoh surat kiriman rasmi adalah seperti berikut:
 - (a) Surat aduan
 - (b) Surat rayuan
 - (c) Surat memesan barangan
 - (d) Surat undangan menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang penting dan rasmi
 - (e) Surat permohonan
 - (f) Surat pekeliling
- 5 Gunakanlah bahasa yang mudah, tepat dan padat. Bahasa yang digunakan mestilah baku dan betul dari segi ejaan dan tanda baca.
- 6 Elakkan penggunaan unsur-unsur kiasan dan ungkapan peribahasa dalam penulisan karangan jenis ini



Format Surat Kiriman Rasmi



Contoh : Surat Kiriman Rasmi

Nama :

Title :Tidak hadir ke sekolah..

Tahun 3 Hikmah,
SK Permatang Tok Dik,
09400 Padang Serai,
Kedah Darul Aman.

Cikgu Jamaliah Sulaiman,
SK Permatang Tok Dik,
09400 Padang Serai,
Kedah Darul Aman.

21 Mei 2019

Puan,

Tidak Dapat Hadir ke sokolah

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saya Nur Syahirah Bt Zorkri ingin memaklumkan kepada cikgu bahawa saya tidak hadir ke sekolah pada 22 hingga 24 Mei ini.

3. untuk makluman cikgu, saya dan keluarga terpaksa pulang ke kampung kerana datuk saya telah dimasukkan ke hospital akibat demam denggi. Saya sekeluarga akan berada beberapa hari di kampung untuk menemani datuk di hospital.

4. Saya berjanji akan mengulangkaji pelajaran dan menghubungi rakan-rakan untuk menanyakan tentang kerja-kerja sekolah ketika berada di kampung.

Saya berharap agar cikgu dapat memahami situasi saya sekeluarga. Kejasama dan perhatian pihak cikgu, didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

Yang Benar,
NUR SYAHIRAH

.....
(NUR SYAHIRAH)
Kelas 3 hikmah

Contoh Surat Kiriman Rasmi

Kelab Kajian Tempatan,
Sekolah Kebangsaan Jaya,
Jalan Sentosa,
47100 Bandar Tun Razak,
Kuala Lumpur.

Pengurus,
Jabatan Pengarang,
Utusan Malaysia Berhad,
46M, Jalan Chan Sow Lin,
52000,

Kuala Lumpur.

18 April 2018.

Tuan,

Memohon Kebenaran Melawat Jabatan Pengarang Utusan Malaysia

Persatuan Kajian Tempatan sekolah kami akan melakukan lawatan ke beberapa lokasi di Kuala Lumpur pada penghujung penggal kedua ini. Kami ingin mengambil kesempatan menganjurkan lawatan ke Jabatan Pengarang Utusan Malaysia.

2. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk melihat sendiri operasi penerbitan akhbar Utusan Malaysia. Para peserta akan mendapat gambaran yang lebih jelas tentang tugas-tugas wartawan, editor, dan para petugas lain yang terbabit dengan kerja-kerja penerbitan akhbar ini.

Yang berikut ialah maklumat mengenai lawatan berkenaan:

Tarikh lawatan	:	21 Jun 2018
Masa	:	9.30 pagi
Hari	:	Selasa
Jumlah Pelajar	:	50 orang
Jumlah Guru Pengiring	:	10 orang

3. Sekiranya mendapat kebenaran pihak tuan, kami ingin melakukan lawatan ke Unit Portal Pendidikan Utusan dan Pusat Sumber. Kami berharap agar pihak tuan dapat menyediakan satu sesi penerangan dan soal jawab untuk murid-murid dan guru-guru yang menyertai lawatan kami.

Akhir kata, semoga permohonan kami ini akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Atas kerjasama dan perhatian tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,
Ghani

.....
(Ghani Salleh)

Setiausaha Kelab Kajian Tempatan,
Sekolah Kebangsaan Jaya.



Perbandingan

Surat Kiriman Tidak Rasmi


1. Bersifat peribadi.
2. Ditulis kepada ahli keluarga, sahabat handai, dan saudara-mara.
3. Biasanya bertujuan untuk bertanya khabar, mengucapkan tahniah atau takziah, menyampaikan undangan dan membuat ucapan.
4. Alamat pengirim ditulis di bahagian atas sebelah kanan surat.
5. Pengakuan dan tanda tangan pengirim ditulis di bawah sebelah kanan, iaitu selari dengan alamat pengirim.

Surat Kiriman Rasmi

1. Bersifat rasmi
2. Ditulis kepada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, pihak pentadbiran sekolah, majlis perbandaran, dan sebagainya.
3. Biasanya bertujuan untuk membuat permohonan, pesanan barang, aduan, rayuan, undangan, dan sebagainya.
4. Alamat pengirim ditulis di sudut atas sebelah kiri surat.
5. Pengakuan dan tanda tangan pengirim ditulis di sudut kiri bahagian bawah surat.

Latihan 10.2

Tulis sepucuk surat kiriman rasmi sebanyak 200 perkataan.



RUJUKAN

- Anwar Ridhwan, 2004. **Perbualan Asas Bahasa Melayu**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Tatabahasa Dewan Jilid 2, 1989. **Perkataan**, Dewan Bahasa dan pustaka.
- Kamus Dewan edisi keempat**, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Napisah Muhammad, 2014. **Proses Pembentukan Kata**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim dkk, 2013. **Tatabahasa Dewan Bentuk Kata**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Kari dkk, 2013. **Buku Tatabahasa Dewan Jilid 1: Bentuk kata**, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Anizah Abu Samah dan Alya Iskandar, **Pentaksiran Berbahasa Sekolah: Bahasa Malaysia**, Kuala Lumpur. Dolphin Press International SDN.BHD.
- Petikan daripada Kumpulan **Pantun Melayu** susunan Zainal Abidin Bakar, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, halaman 319].
- Petikan daripada **Puisi Melayu Tradisi** susunan Mohd. Yusof Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh, Penerbit Fajar Bakti, 1985, halaman 20].